



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 78
No. 11

13hb Mac 2025

*TAMBAHAN No. 4
PERUNDANGAN*

N.S. P.U. 4.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

PENYELEWENGAN FAHAMAN DAN AJARAN YANG DIBAWA OLEH
SUHAINI BIN MOHAMMAD (SOHAI IBNU MUHAMMAD)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 *[Enakmen No. 10/2003]*, Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Bahawa fahaman dan ajaran yang dibawa oleh Suhaini bin Mohammad atau Sohail Ibnu Muhammad atau Sihulk adalah sesat, menyeleweng daripada ajaran Islam menurut akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.
2. Ciri-ciri penyelewengan fahaman dan ajaran ini adalah seperti yang berikut:
 - (a) Mendakwa bahawa Nabi Muhammad SAW adalah Tuhan.
 - (b) Menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan seorang yang tidak mempunyai jantina. Baginda bukan lelaki dan juga bukan seorang wanita (tidak mempunyai kemaluan). Kelazatan melihat wajah Allah (wajah Rasulullah) adalah penyebab kepada lahirnya zuriat Nabi Muhammad SAW yang dikandungkan oleh Saidatina Siti Khadijah RA.

-
- (c) Menyeleweng tafsir al-Quran huraian surah Taha ayat 120 dan surah al-Baqarah ayat 35 dengan mengatakan larangan Allah SWT kepada Nabi Adam dan Hawa daripada memakan buah khuldi yang menjadi larangan untuk dimakan di dalam syurga itu adalah 'buah zakar' dan 'buah dada'.
- (d) Mereka-reka hadis yang didakwa sebagai hadis Qudsi yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW itu Esa.
- (e) Penipuan mengenai khasiat air dan botol Sihulk yang dipromosikan di laman facebook Sohail bin Muhammad dan facebook Sihulk dengan mengeksploitasi elemen agama secara berlebihan bagi menarik minat orang ramai membeli produk tersebut. Antara dakwaan berlebihan mengenai khasiat air Sihulk seperti berikut:
- (i) Mengatakan kotak Sihulk ini adalah peti Tabut yang pernah diberikan Allah SWT kepada Talut sepertimana maksud di dalam surah al-Baqarah ayat 248 yang telah diselewengkan maknanya.
 - (ii) Sihulk merupakan air hayat, iaitu air yang dicari oleh Iskandar Zulkarnain tetapi diperolehi oleh Nabi Khidir AS menjadikan baginda mampu hidup sehingga hari kiamat. Nabi Khidir AS membekalkannya kepada umat akhir zaman sebagai tanda ikatan menerusi jual beli dengan Nabi Muhammad SAW melalui sanad yang tidak putus.
 - (iii) Mampu menyembuhkan pelbagai wabak penyakit zahir dan batin dan menghalang daripada sihir.
 - (iv) Meminum air Sihulk adalah seperti meminum air yang dibeli sendiri daripada Nabi Muhammad SAW dan ramai ahli yang telah minum air tersebut dapat bermimpi berjumpa dengan Nabi Muhammad SAW.
 - (v) Botol Sihulk digunakan untuk melaksanakan ritual menangkap jin ke dalam botol dengan cara berselawat kepada Nabi Muhammad SAW sambil membayangkan wajah Suhaini bin Mohammad, wajah Sheikh Abdul Qadir al-Jailani dan wajah Nabi Muhammad SAW, kononnya ini adalah sama dengan amalan rabitah para ulama Sufi.
3. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan memutuskan mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah diharamkan dan dilarang—
- (a) berpegang dengan fahaman dan ajaran Suhaini bin Mohammad sama ada dengan menjadi pengikut, ahli kumpulan, berada di dalam majlis atau acara yang boleh dikaitkan dengan fahaman dan ajaran Suhaini bin Mohammad;

- (b) mengajar, menganjur, belajar, mengadakan, membantu menjayakan apa-apa majlis yang boleh dikaitkan dengan fahaman dan ajaran Suhaini bin Mohammad;
 - (c) memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio atau visual, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa dokumen yang boleh mengaitkan fahaman dan ajaran Suhaini bin Mohammad;
 - (d) mempercayai, memiliki atau menyimpan produk-produk yang didakwa mempunyai kelebihan atau khasiat tertentu yang boleh membawa kepada syirik kepada Allah SWT;
 - (e) menyebarkan dan melayari atau mengikut apa-apa jua bahan hebahan dan sebaran yang menonjolkan pegangan atau fahaman dan ajaran Suhaini bin Mohammad dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, instagram, facebook, aplikasi X atau media sosial lain; dan
 - (f) mengamal, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran Suhaini bin Mohammad.
4. Justeru, fahaman dan ajaran yang dibawa oleh Suhaini bin Mohammad hendaklah disekat dengan apa cara sekali pun daripada disebarkan di Negeri Sembilan Darul Khusus.
5. Mana-mana orang Islam hendaklah menjauhi fahaman dan ajaran yang dibawa oleh Suhaini bin Mohammad ini dan mana-mana orang Islam yang telah terlibat dengan ajaran ini hendaklah segera bertaubat.

Dibuat 8 Januari 2025

[JMKNS.BPK.100-32/1 Jld.5; PUNS 100/2/4 Jld.2]

PROF. MADYA DATO' DR. FAUDZINAIM BIN BADARUDIN
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR

www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-9236 6888

BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
WJW25/0189 13-03-2025